

Soalan No:43

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** DATO' DR. TAN KEE KWONG  
[WANGSA MAJU]

**TARIKH :** 13.11.2017

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak sekolah boleh menganjurkan acara yang melibatkan Parti Politik sepetimana yang telah berlaku di sebuah sekolah di Presint 14 Putrajaya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempunyai prosedur standard bagi penyertaan guru dan murid dalam program anjuran agensi kerajaan termasuk kerajaan negeri, kehadiran orang kenamaan atau individu tertentu ke sekolah dan penggunaan premis atau kemudahan sekolah oleh pihak luar. Semua aktiviti tersebut memerlukan pihak berkenaan memohon kebenaran daripada KPM melalui Pengarah Pendidikan Negeri untuk memastikan keselamatan, kesejahteraan dan kebajikan warga sekolah serta menjamin keselamatan harta benda sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program yang telah dijalankan di SK Putrajaya Presint 14(1) merupakan program pertandingan yang bertemakan Kemerdekaan yang dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Program yang dijalankan tersebut bertujuan melahirkan generasi Malaysia yang peka tentang sejarah perjuangan kemerdekaan dan pelaksanaan program itu juga adalah bersesuaian dengan tema pertandingan tersebut.

RJM50